

## BAB ENAM

### PENULISAN AKRONIM DAN SINGKATAN

Akronim terbentuk daripada gabungan huruf pertama atau suku kata beberapa perkataan dan boleh diujarkan sebagai satu perkataan. Akronim (sama ada dalam bahasa Melayu atau bahasa Inggeris) hendaklah dieja berdasarkan bunyi sebutan yang sesuai dengan bahasa akronim tersebut. Contohnya:

<b>Kata Nama</b>	<b>Padanan Jawi</b>
PLUS	قلوس
JAKIM	جاكيم
MARA	مارا
IKIM	ايكيم
UNESCO	يونيسكو
PETRONAS	ڤيترونس
BERSATU	برساتو
PAS	ڤاس
UMNO	امنو
Kementah	كمنته
Mindef	مينديف
tabika	تابيكا

Kata Singkatan terbentuk daripada kata yang disingkatkan. Bagi mengeja singkatan, padanan nama bagi huruf Rumi dalam Jawi perlu digunakan. Padanannya adalah seperti yang berikut:

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU

Inisialisme Rumi	Nama Huruf Rumi dalam Jawi
a	أي
b	بي
c	سي
d	دي
e	إي
f	ايف
g	جي
h	ايچ
i	اءي
j	جيه
k	كي
l	ايل
m	عيم
n	عين
o	او
p	في
q	قيو
r	ار
s	ايس
t	تي
u	يو
v	في
w	دبليو
x	ايكس
y	واي
z	زيد

## PENULISAN AKRONIM DAN SINGKATAN

Singkatan inisialisme bagi nama jabatan, organisasi, pertubuhan, syarikat dan juga bagi nama jawatan, pangkat, gelaran dan seumpamanya dalam bahasa Melayu dan bahasa Inggeris (yang dilafazkan huruf demi huruf) dieja dengan nama huruf Rumi dalam Jawi, dan diletakkan tanda titik selepas setiap huruf tersebut. Contohnya:

<b>Kata Nama</b>	<b>Ejaan berdasarkan nama huruf Rumi</b>
TUDM	تي.يو.دي.عيم.
GPMS	جي.في.عيم.ايس.
PBB	في.بي.بي.
KSU	كي.ايس.يو.
PM	في.عيم.
BN	بي.عين.
JMN	جيه.عيم.عين.
PLO	في.ايل.او.
KLSE	كي.ايل.ايس.اي.

**Catatan:** Lazimnya, semua singkatan dieja penuh terlebih dahulu dengan memberikan singkatannya dalam kurungan. Bagi mengelakkan kekeliruan, singkatan dalam Rumi boleh ditambah selepas singkatan dalam Jawi dalam kurungan selepas kata penuhnya untuk penggunaan kali pertama. Bagi penggunaan seterusnya, salah satu bentuk ejaan singkatan tersebut, sama ada Rumi atau Jawi boleh digunakan. Contohnya, (KSU/كي.ايس.يو.).

Nama khas yang berupa nama jawatan, pangkat, gelaran dan nama khas bukan nama diri yang lain sebolehnya ditulis dalam bentuk kata atau ejaan yang penuh. Contohnya:

PEDOMAN UMUM EJAAN JAWI BAHASA MELAYU

<b>Kata Nama</b>	<b>Padanan Jawi</b>
profesor/prof.	فروفيسور
Perdana Menteri (PM)	فردان منتري
Ketua Pengarah (KP)	کتوا فغارہ
Ketua Setiausaha (KSU)	کتوا ستیاءوسہا
Tentera Udara Diraja Malaysia (TUDM)	تنترا اودارا دراج ملیسیا
Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS)	گابوغن فالجر ملایو سمننچوڠ

Singkatan yang disebut sebagai kata penuh sebaik-baiknya dieja penuh. Namun, jika ada keperluan untuk meringkaskannya, maka singkatan tersebut hendaklah dieja dengan menggunakan padanan huruf Jawi bagi huruf pertamanya dalam Rumi dan diikuti tanda titik selepasnya. Contohnya:

<b>Ejaan Rumi</b>	<b>Padanan Jawi</b>	<b>Singkatan Rumi</b>	<b>Singkatan Jawi</b>
bagi pihak	باڤي فہيق	b.p.	ب.ف.
dan lain-lain	دان لاءين ۲	dll.	د.ل.ل.
dan sebagainya	دان سباڤاڤيڠ	dsb.	د.س.ب.
di alamat	دعلامت	d.a.	د.ع.
doktor	دوكتور	dr.	د.
encik	انچيق	en.	ا.
insinyur	اينسينيور	ir.	اي.ر.
profesor	فروفيسور	prof.	فروف.
salinan kepada	سالينن کفد	s.k.	س.ک.
telefon	تيليفون	tel.	تيل.
untuk perhatian	اونتوق فراهاتين	u.p.	او.ف.

## PENULISAN AKRONIM DAN SINGKATAN

**Catatan:** Sesetengah kata singkatan dieja tanpa meletakkan titik selepasnya kerana ejaannya sudah mantap. Contohnya:

<b>Ejaan Rumi</b>	<b>Singkatan Rumi</b>	<b>Singkatan Jawi</b>
Masihi	M	م
Hijrah	H	ه
faksimile	faks	فكس